



PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN PAHANG



# POLISI ANTIRASUAH

*Perkhidmatan Berkualiti, Bebas Rasuah*

# PERUTUSAN

## YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

**Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang berjaya menzahirkan Polisi Antirasuah sebagai panduan dalam memperkukuh ekosistem integriti dan tadbir urus di Negeri ini.

Sebagai nadi pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang, kita memikul amanah yang besar untuk memastikan setiap sen dana awam dan setiap inci kekayaan negeri diuruskan dengan penuh ketelusan. Namun, kita sedar bahawa ancaman rasuah dan salah guna kuasa sentiasa mencari ruang dalam kelemahan sistem dan prosedur. Oleh itu, polisi ini diwujudkan sebagai benteng utama pertahanan moral seluruh warga kerja SUK Pahang.

Prinsip kita adalah jelas: Perkhidmatan Berkualiti, Bebas Rasuah.

Setiap warga PSUK Pahang, daripada kepimpinan tertinggi hingga ke kakitangan sokongan, mestilah memahami bahawa integriti bukan sekadar pilihan, tetapi adalah kewajipan. Sebarang bentuk kompromi dalam aspek etika tidak akan dipandang enteng. Polisi ini menggariskan tanggungjawab kita untuk JANGAN MINTA, TOLAK, dan LAPOR sebarang bentuk penyogokan, serta memastikan proses Due Diligence dilaksanakan dengan tegas dalam setiap urusan perolehan dan perkhidmatan.

Saya menyeru kepada seluruh warga kerja dan rakan strategik Kerajaan Negeri agar menghayati dan menterjemahkan polisi ini dalam setiap tindakan harian. Marilah kita bersama-sama memastikan landskap pentadbiran Negeri Pahang kekal bersih, cekap, dan amanah demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.

# IKRAR INTEGRITI

## WARGA PSUK PAHANG

"Kami, warga Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, berikrar untuk menjalankan tugas dengan penuh amanah, mendahului kepentingan awam daripada kepentingan peribadi, dan sentiasa memelihara kedaulatan undang-undang demi kedaulatan Negeri Pahang."

# ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	4
PEMAKAIAN	4
TAKRIFAN	4
PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH	5
TERAS STRATEGIK POLISI	6
PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH	7
KESALAHAN - KESALAHAN RASUAH	8
HUKUMAN BAGI KESALAHAN RASUAH (SEKSYEN 24)	9
KEWAJIPAN MELAPORKAN TRANSAKSI PENYOGOKAN (SEKSYEN 25)	10
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA	11
PERANAN DAN TINDAKAN WARGA PSUK PAHANG	15
PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN & RAKAN STRATEGIK	16
PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	17
SALURAN PERTANYAAN DAN ADUAN RASMI	18
TARIKH KUAT KUASA	19
PENUTUP	19
RUJUKAN	20

# PENDAHULUAN

Polisi Antirasuah PSUK Pahang disediakan sebagai satu usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang bersih daripada sebarang bentuk amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa ke arah menjadikan PSUK Pahang sebagai model tadbir urus terbaik (Good Governance) yang berteraskan nilai amanah, telus, dan dinamik bagi memacu kemakmuran Negeri Pahang Darul Makmur.

# PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja PSUK Pahang. Polisi ini juga hendaklah dijadikan sebagai panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/ organisasi yang berurusan dengan warga PSUK Pahang.

# TAKRIFAN

## RASUAH

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

## SUAPAN

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694.

## WARGA PSUK PAHANG

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di PSUK Pahang sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan dan termasuk lantikan politik.

# PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

PSUK Pahang mengamalkan prinsip Perkhidmatan Berkualiti, Bebas Rasuah. Kami bertekad untuk menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah, telus dan berakauntabiliti demi kemakmuran Negeri Pahang. PSUK Pahang dengan ini mengisytiharkan komitmen tidak berbelah bahagi seperti berikut:

01

## PEMATUHAN PERUNDANGAN

Memastikan setiap tindakan selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pahang 2015, undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan integriti, governans dan antirasuah yang berkuat kuasa.

02

## MELAKSANAKAN PENTADBIRAN TANPA KOMPROMI

Menentang keras sebarang bentuk rasuah, pemberian gratifikasi dan konflik kepentingan dalam semua urusan rasmi. Melaksanakan pentadbiran tanpa kompromi melalui penguatkuasaan peraturan yang tegas dan penerapan prinsip toleransi sifar terhadap sebarang pelanggaran etika, sekali gus memastikan setiap tindakan warga PSUK Pahang dilaksanakan dengan adil, berani, dan tanpa pilih kasih.

03

## PEMANTAPAN SISTEM DAN PROSEDUR

Menambah baik sistem dan prosedur kerja secara berterusan melalui pendigitalan proses kerja serta pengemaskinian garis panduan secara berkala bagi menutup ruang dan peluang yang boleh membawa kepada penyelewengan dan salah guna kuasa.

Pemantapan sahsiah warga PSUK Pahang secara berterusan melalui pembudayaan integriti dan penambahbaikan sistem tadbir urus yang telus bagi menutup ruang manipulasi, sekaligus menjamin akauntabiliti dalam setiap rangkaian penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

## TERAS STRATEGIK POLISI (5P)

Polisi ini berlandaskan LIMA (5) teras pelaksanaan seperti berikut:


TERAS	HURAIAN PELAKSANAAN
PIMPINAN	Memastikan barisan kepimpinan tertinggi PSUK Pahang menjadi teladan ( <i>lead by example</i> ) dalam pengamalan budaya integriti bagi memupuk kepercayaan warga kerja dan rakyat.
PENCEGAHAN	Melaksanakan program pengukuhan integriti secara menyeluruh serta mengukuhkan sistem kawalan dalaman bagi menutup ruang dan peluang berlakunya penyelewengan.
PENGUATKUASAAN	Mengambil tindakan tatatertib yang tegas, pantas dan tanpa pilih kasih terhadap sebarang pelanggaran kod etika perkhidmatan serta peraturan yang berkuat kuasa.
PERLINDUNGAN	Memperkasa buaya melapor ( <i>whistleblowing</i> ) melalui saluran aduan yang selamat dengan jaminan kerahsiaan identiti di bawah peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
PEMANTAUAN	Memperkasa pemantauan integriti dan governans secara berkala melalui platform Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Negeri Pahang demi memastikan keberkesanan setiap dasar yang diputuskan.

# PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH



## PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH





**Transactive**  
Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (*win-win situation*).




**Extortive**  
Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.




**Defensive**  
Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.




**Nepotisme**  
Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / keluarga / rakan.




**Autogenic**  
Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.



**Supportive**  
Penempatan proksi / kroni di tempat strategik dalam organisasi.



**Invasive**  
Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan.



# KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Berpandukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, kesalahan rasuah boleh dikategorikan kepada EMPAT (4) kesalahan utama yang sering menjadi risiko dalam Jabatan Kerajaan.

a)

## MEMINTA ATAU MENERIMA RASUAH (seksyen 16 & 17a)

Tindakan mana-mana pegawai yang meminta atau menerima suapan sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan dengan tugas rasmi mereka.

- Contoh: Pegawai meminta peratusan (*kickback*) daripada kontraktor sebagai balasan untuk meluluskan bayaran kemajuan projek.

b)

## MENAWAR ATAU MEMBERI RASUAH (Seksyen 17b)

Tindakan mana-mana individu atau pihak luar yang menawarkan atau memberikan suapan kepada penjawat awam untuk mendapatkan kelebihan atau memudah cara urusan dengan Kerajaan.

- Contoh: Kontraktor menawarkan percutian percuma kepada pegawai untuk memastikan syarikatnya memenangi tender.

c)

## MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU (Seksyen 18)

Tindakan mana-mana orang yang memberikan dokumen (resit, invois, atau tuntutan perjalanan) yang mengandungi butiran palsu dengan niat untuk memperdayakan pejabat (majikan).

- Contoh: Membuat tuntutan perjalanan bagi tugas luar daerah yang tidak dilakukan atau memalsukan invois bekalan pejabat yang tidak pernah diterima.

# KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

d)

## SALAH GUNA KUASA / KEDUDUKAN (Seksyen 23)

Tindakan penjawat awam yang menggunakan kedudukan atau jawatannya untuk membuat keputusan atau mengambil tindakan bagi mendapatkan suapan/faedah untuk dirinya sendiri, saudara-mara, atau sekutunya.

- Contoh: Pegawai yang terlibat dalam jawatankuasa pemilihan tender memilih syarikat milik adik-beradiknya tanpa mengisytiharkan kepentingan.

## HUKUMAN BAGI KESALAHAN RASUAH (SEKSYEN 24)

Mana-mana individu yang didapati bersalah di bawah Seksyen 16, 17, 18, dan 23 Akta 694 boleh dikenakan hukuman berikut:

- a) Hukuman Penjara: Tempoh pemenjaraan selama mana yang munasabah, tetapi tidak melebihi **dua puluh (20) tahun**.
- b) Hukuman Denda: Denda tidak kurang daripada **lima (5) kali ganda nilai suapan atau RM10,000.00**, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Nota: Sekiranya nilai suapan tidak dapat dinilai atau tidak bersifat wang, denda minimum tetap RM10,000.00.

Selain daripada hukuman jenayah di atas, penjawat awam yang disabitkan kesalahan juga akan berhadapan dengan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pahang 2015 yang boleh membawa kepada hukuman sehingga buang kerja serta kehilangan hak pencen.

# KEWAJIPAN MELAPORKAN TRANSAKSI PENYOGOKAN (SEKSYEN 25)

Akta SPRM 2009 (Akta 694) menetapkan tanggungjawab undang-undang ke atas setiap individu untuk melaporkan sebarang cubaan atau transaksi rasuah yang berlaku.

## **a) Kewajipan Melaporkan Cubaan Sogokan (Seksyen 25(1) & (2))**

Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada SPRM atau pegawai polis yang berhampiran dengan segera.

**Gagal Melaporkan: Jika individu tersebut gagal melaporkan tawaran/janji suapan tersebut, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000.00 dan/atau penjara tidak melebihi sepuluh (10) tahun.**

## **b) Kewajipan Melaporkan Permintaan Sogokan (Seksyen 25(3) & (4))**

Mana-mana orang yang diminta atau dicuba supaya diperolehi suapan (iaitu ada pihak meminta rasuah daripadanya) wajib melaporkan butiran pihak yang meminta tersebut.

**Gagal Melaporkan: Jika individu tersebut gagal melaporkan permintaan suapan tersebut, mereka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 dan/atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun.**

## 1. KANUN KESEKSAAN

Selain daripada Akta SPRM, penjawat awam juga tertakluk kepada **Kanun Keseksaan (Akta 574)** yang memperuntukkan kesalahan mengenai integriti tanpa perlu membuktikan wujudnya elemen "suapan" atau "balasan" secara langsung.

Di bawah Seksyen 165, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana penjawat awam yang menerima atau bersetuju untuk menerima apa-apa barangan berharga (hadiah, aset, atau perkhidmatan) dengan tiada balasan atau dengan balasan yang diketahui tidak mencukupi, daripada mana-mana orang yang:

- Mempunyai urusan rasmi dengan beliau;
- Mempunyai hubungan dengan tugas rasmi beliau; atau
- Mempunyai kepentingan dalam urusan yang dikendalikan oleh beliau atau Kerajaan Negeri

Jika sabit kesalahan di bawah Seksyen 165, individu boleh dikenakan:

- **Hukuman Penjara:** Tempoh sehingga **dua (2) tahun**; atau
- **Denda:** Jumlah yang ditentukan oleh mahkamah; atau
- **Kedua-duanya sekali.**

## KESALAHAN MEMALSUKAN DOKUMEN (SEKSYEN 465 KANUN KESEKSAAN)

Di bawah Seksyen 463 dan 464, pemalsuan berlaku apabila seseorang membuat sesuatu dokumen palsu atau bahagian dokumen palsu dengan niat:

- Hendak menyebabkan kerosakan atau kerugian kepada orang awam atau mana-mana orang.
- Hendak menyokong apa-apa tuntutan atau hak.
- Hendak menyebabkan mana-mana orang melepaskan harta.
- Hendak melakukan penipuan.

Contoh Perbuatan Memalsukan Dokumen di Pejabat Kerajaan:

- **Memalsukan Tandatangan:** Menandatangani bagi pihak ketua jabatan atau pegawai lain pada surat kelulusan atau dokumen pembayaran tanpa kuasa yang sah.
- **Pindaan Tanpa Kebenaran:** Mengubah angka, tarikh, atau nama pada dokumen rasmi (seperti sijil cuti sakit, invois, atau minit mesyuarat) untuk kepentingan peribadi.
- **Dokumen Sokongan Palsu:** Mencipta atau menggunakan sijil, lesen, atau surat sokongan palsu bagi melayakkan sesuatu tuntutan atau permohonan.

Sesiapa yang melakukan pemalsuan boleh dikenakan hukuman yang berat mengikut Kanun Keseksaan:

- **Hukuman Penjara:** Tempoh sehingga **dua (2) tahun**; atau
- **Denda:** Mengikut budi bicara mahkamah; atau
- **Kedua-duanya sekali.**

## 1. PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB)

### PAHANG 2015

**Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Pahang 2015** merupakan kod etika dan perundangan yang mengawal selia tingkah laku penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang. Ia bertujuan memastikan integriti, akauntabiliti, dan profesionalisme dikekalkan dalam perkhidmatan awam negeri.

Seorang pegawai awam mestilah pada setiap masa memberikan taat setia kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan. Antara larangan utama termasuk:

- Membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi.
- Berkelakuan sedemikian rupa yang boleh menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam.
- Berkelakuan yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.
- Kurang cekap atau kurang berusaha dalam menjalankan tugas.

Peraturan ini juga menggariskan beberapa larangan nyata, antaranya:

- **Pekerjaan Luar:** Tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
- **Hadiah:** Dilarang menerima atau memberi hadiah jika ia berkaitan dengan tugas rasmi.
- **Dadah:** Pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil dadah (kecuali bagi maksud perubatan).
- **Penyataan Awam:** Tidak dibenarkan membuat pernyataan awam yang memudaratkan dasar kerajaan tanpa kebenaran.
- **Gangguan Seksual:** Dilarang sama sekali dan dianggap sebagai pelanggaran tatatertib yang serius.
- **Ketidakhadiran bertugas:** Tidak hadir tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran, atau tanpa sebab yang munasabah, boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib dan lucut hak emolumen (gaji) bagi tempoh tersebut.

# UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

Jika didapati bersalah selepas prosiding, pegawai boleh dikenakan tindakan salah satu atau gabungan hukuman berikut:

## Kenali 7 Jenis Hukuman Tatatertib

	<b>Amaran</b>	Hukuman permulaan bagi kesalahan tatatertib yang dibuktikan.
	<b>Denda</b>	Hukuman bagi kesalahan tatatertib yang dibuktikan.
	<b>Lucut Hak Emolumen</b>	Pelucutan hak ke atas gaji atau pendapatan pegawai.
	<b>Tanggung Pergerakan Gaji</b>	Melibatkan penangguhan pergerakan gaji tahunan.
	<b>Turun Gaji</b>	Penurunan jumlah gaji sedia ada.
	<b>Turun Pangkat</b>	Penurunan gred atau kedudukan jawatan pegawai ke tahap lebih rendah.
	<b>Buang Kerja</b>	Hukuman paling berat, menamatkan perkhidmatan serta-merta.

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA PSUK PAHANG

Setiap warga PSUK Pahang mempunyai kewajipan moral dan undang-undang untuk mengekalkan integriti dalam menjalankan tugas rasmi bagi mengelakkan konflik kepentingan dan amalan rasuah.



## JANGAN MINTA

Dilarang meminta sebarang bentuk imbalan, komisen, atau hadiah sebagai balasan tugas rasmi.



## TOLAK

Tegas menolak tawaran suapan, hadiah, atau keraian daripada pihak berkepentingan.



## LAPOR

Lapor segera cubaan penyogokan kepada Unit Integriti PSUK Pahang atau SPRM.

## SEKSYEN 25 AKTA 694

Melaporkan cubaan rasuah adalah satu kewajipan di bawah peruntukan undang-undang Malaysia.

Kegagalan warga PSUK Pahang mematuhi polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Phg.P.U.30 Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015

# PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN,  
PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK**  
TERMASUK PEMBEKAL, KONTRAKTOR DAN PELABUR  
ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK:



Dilarang menawarkan atau memberikan sebarang bentuk hadiah, wang tunai, atau barangan berharga penjawat awam bagi tujuan mendapatkan keutamaan atau mempercepatkan sesuatu urusan.



Pihak luar harus mempunyai keberanian untuk menolak sebarang permintaan 'sumbangan' atau 'duit kopi' yang diminta oleh mana-mana individu yang mendakwa sebagai wakil atau pegawai PSUK Pahang.



Laporkan mana-mana penjawat awam yang menyalahgunakan kuasa atau meminta suapan melalui saluran aduan rasmi yang disediakan demi memastikan persaingan perniagaan yang adil dan bersih.

# PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

PSUK Pahang memberikan komitmen penuh dalam melindungi individu yang mempunyai keberanian moral untuk melaporkan amalan rasuah, penyelewengan, atau salah guna kuasa. Perlindungan ini dilaksanakan selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

## Jaminan Perlindungan Utama

Setiap pengadu yang melaporkan salah laku secara jujur akan diberikan perlindungan berikut:

- Kerahsiaan Maklumat Peribadi: Identiti pemberi maklumat, alamat, dan butiran laporan akan dirahsiakan sepenuhnya daripada pengetahuan umum dan tidak boleh didedahkan walaupun semasa prosiding mahkamah atau tatatertib.
- Kekebalan daripada Tindakan Sivil/Jenayah: Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan sebarang tindakan undang-undang (seperti saman fitnah) atau tindakan tatatertib jabatan semata-mata kerana laporan yang dibuat.
- Perlindungan daripada Tindakan Memudaratkan: PSUK Pahang menjamin bahawa pengadu tidak akan dikenakan tindakan balas dendam seperti:
  - Pertukaran jabatan secara paksa atau tidak adil.
  - Penurunan pangkat atau markah prestasi (LNPT).
  - Pemulauan atau gangguan di tempat kerja.

## Syarat Pemberian Perlindungan

Perlindungan ini terpakai selagi mana pengadu memenuhi kriteria berikut:

- Maklumat yang diberikan adalah benar dan bukan berdasarkan khabar angin semata-mata.
- Laporan dibuat kepada pihak berkuasa yang sah (Unit Integriti PSUK Pahang, SPRM, atau Polis).
- Laporan tidak dibuat dengan niat jahat untuk menganiaya individu lain.

# SALURAN PERTANYAAN DAN ADUAN RASMI

Sebarang pertanyaan atau aduan pelanggaran terhadap polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**KETUA UNIT INTEGRITI**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**ARAS BAWAH BLOK B**

**WISMA SRI PAHANG**

**25503 KUANTAN**

 **09-5124823/ 09-5149497**

 **[unit.integriti@pahang.gov.my](mailto:unit.integriti@pahang.gov.my)**

**"Anda Tidak Berseorangan"**. Jangan biarkan ketakutan menghalang anda daripada menegakkan kebenaran. Kerajaan Negeri Pahang berdiri teguh di belakang setiap pemberi maklumat yang ingin melihat negeri ini bersih daripada noda rasuah.

# TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan polisi ini berkuat kuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

## PENUTUP

Dokumen Polisi Antirasuah ini merupakan manifestasi tekad dan azam berterusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang untuk meletakkan integriti sebagai teras utama dalam setiap urusan pentadbiran. Ia adalah satu janji bahawa setiap amanah yang digalas akan dilaksanakan dengan amanah, telus dan berintegriti.

*Perkhidmatan Berkualiti, Bebas Rasuah*

# RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 964)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015
4. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2026
5. Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam) Versi 1.0 (2024)